

## **PENJAGAAN HIDUPAN LIAR DARIPADA KEPUPUSAN: KAJIAN DARI PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH DAN FATWA SEMASA**

*Zulkifly Muda<sup>1</sup> & Nizaita Omar<sup>2\*</sup>*

### **ABSTRAK**

Islam membenarkan manusia melakukan aktiviti pemburuan sebagai memenuhi fitrah manusia. Namun, timbul fenomena kepupusan hidupan liar akibat daripada aktiviti pemburuan yang tidak dikawal dan dipantau dengan baik. Larangan dalam bentuk perundangan atau peraturan selayaknya diletakkan di bawah tanggungjawab pihak berautoriti atau pihak kerajaan. Walau bagaimanapun, bentuk dan prosedur larangan yang dikuatkuasakan perlu dikaji dan teliti rapi agar selari dengan kehendak syarak tanpa menggadaikan prinsip Islam yang mengharuskan pemburuan dan mengharuskan memanfaatkan binatang. Kajian ini akan meneliti secara tuntas isu kontemporari berhubung pemburuan hidupan liar yang menjadi perdebatan dalam kalangan cendekiawan mahupun masyarakat. Kajian yang dijalankan adalah menggunakan kaedah kualitatif melalui pengamatan terhadap himpunan isu hidupan yang diperolehi melalui dokumentasi dan temu bual separa struktur. Analisis dokumen dilaksanakan dengan merujuk kepada dimensi Maqasid Syariah yang diutarakan oleh para ulama' dan perbahasan yang

---

<sup>1</sup> Prof. Dato' Dr. Haji Zulkifly bin Muda merupakan Profesor Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam. Email: zulkifly.muda@unissa.edu.bn.

<sup>2</sup> Prof. Madya To' Puan Dr. Nizaita Omar merupakan Pensyarah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu Darul Iman, Malaysia.

Email: nizaitaomar@unisza.edu.my.

\*Corresponding author

dikemukakan melalui fatwa semasa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa satu garis panduan bersifat kondusif dahn komprehensif berdasarkan metod Maqasid Syariah perlu diwujudkan bagi merungkai isu kepupusan hidupan liar yang sedang dihadapi. Sekali gus, kajian ini berupaya membuktikan keunggulan ajaran Islam untuk berinteraksi dengan isu semasa merentasi zaman dan lokasi.

**Kata Kunci:** Hidupan liar, kepupusan, Maqasid Syariah, fatwa semasa.

## ***ABSTRACT***

*Islam allows humans to do hunting activities to fulfill human nature. However, there is a phenomenon of wildlife extinction as a result of hunting activities that are not well controlled and monitored. Prohibitions in the form of legislation or regulations should be placed under the responsibility of the authorities or the government. However, the form and procedure of the prohibition that is enforced needs to be carefully studied and scrutinized in order to be in line with the will of the Shariah without compromising Islamic principles that require hunting and require the use of animals. This study will thoroughly examine contemporary issues related to wildlife hunting that are debated among scholars and the community. The research conducted is using qualitative methods through observation of a collection of life issues obtained through documentation and semi-structured interviews. Document analysis is carried out by referring to the dimensions of Maqasid Syariah expressed by the scholars and the debate presented through the current fatwa. The findings of the study show that a conducive and comprehensive guideline based on the Maqasid Syariah method needs to be created to unravel the issue of wildlife extinction that is being*

*faced. At the same time, this study tries to prove the superiority of Islamic teachings to interact with current issues across time and location.*

**Keywords:** *Wildlife, extinction, Maqasid Shariah, current fatwa.*

## Pendahuluan

Syariat Islam bersifat lengkap dan menyeluruh bagi mengatur kesempurnaan hidup manusia dalam semua aspek. Aspek pemuliharaan alam menjadi sebahagian yang turut ditekankan dalam Islam dan disentuh oleh al-Qur'an dan al Sunnah sama ada dalam bentuk secara langsung atau sebaliknya. Penjagaan dan pengurusan alam sekitar yang baik pastinya memberi pulangan keselesaan dan keharmonian hidup sama ada dari sudut fizikal, mental maupun emosi. Alam sekitar didefinisikan sebagai setiap sesuatu yang berada di keliling kita sama ada yang berada di daratan, air dan udara. Ini termasuklah apa yang berada di hutan yang terdiri daripada jenis flora dan fauna seperti pokok, tumbuh-tumbuhan, haiwan melata, serangga, hidupan liar dan sebagainya. Setiap sesuatu yang berada di alam ini merupakan makhluk Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang pada asalnya adalah hak Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*, diikat dengan hukum dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Peraturan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* itu merupakan amanah Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kepada manusia untuk menunaikannya. Justeru, pemuliharaan hidupan liar juga merupakan amanah Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang dipertanggungjawabkan kepada manusia sebagai khalifah.

## **Pengertian dan Peranan Hidupan Liar dalam Kehidupan Manusia**

Hidupan liar adalah merujuk kepada spesis haiwan yang bebas hidup dalam ekosistem asalnya dan tidak dijinakkan. Walaupun hidupan liar sering ditujukan kepada spesis haiwan, namun istilah ini telah digunakan merangkumi semua organisma yang tumbuh atau hidup liar di kawasannya tanpa campur tangan manusia.<sup>3</sup> Peranan hidupan liar sebagai sebahagian daripada hidupan di alam ini dikaitkan dengan empat perkara iaitu: (1) *Jamal* (keindahan dan keunikan); (2) *Nasim* (kesegaran); (3) *Tawazun* (keseimbangan) dan (4) *Manfaat* (faedah).<sup>4</sup>

Kewujudan hidupan liar adalah bertepatan dengan elemen *jamal* yang membawa maksud kecantikan dan keindahan menjadi bukti kehebatan ciptaan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Hidupan liar yang diciptakan dengan pelbagai spesis adalah sebagai bahan untuk manusia berfikir tentang kebesaran dan keagungan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Ajaran Islam bukan sahaja mengatur tatacara hubungan manusia dengan Pencipta dan hubungannya sesama manusia, bahkan juga melibatkan hubungan mereka dengan makhluk yang lain termasuk haiwan. Ini jelas difahami daripada pengertian *al din* iaitu berupa satu bentuk perundangan yang menyentuh hubungan antara manusia dengan Tuhan, hubungan manusia sesama mereka dan hubungan manusia dengan makhluk lain.<sup>5</sup>

---

<sup>3</sup> Usher, M. B. (1986). *Wildlife Conservation Evaluation: Attributes, Criteria and Values*. New York: Chapman & Hall.

<sup>4</sup> Zaini Ujang Minda Lestari, Berita Harian, 28 Feb 2007.

<sup>5</sup> Abd Karim Zaidan. 1987. *Al Wajiz fi al Usul al Fiqh*. Beirut: Al Muassasah al Risalah. hlm. 389.

Adapun elemen *nasim* atau kesegaran berlaku sekiranya alam dipulihara sebaiknya termasuk haiwan kekal dan bebas untuk hidup di habitatnya tanpa diganggu dan dicemari. Begitu juga *tawazun* atau keseimbangan dapat menjamin kestabilan alam apabila flora mahupun fauna (termasuk hidupan liar) dijaga dan diurus dengan baik.<sup>6</sup> Sekiranya keseimbangan ini diganggu, ia bukan sahaja menyebabkan kepupusan dan kerosakan kepada alam, bahkan turut memberi impak negatif kepada kehidupan manusia.<sup>7</sup> Prof. Dr. Zaini Ujang menyatakan bahawa keseimbangan ekosistem merupakan fitrah alam bagi membentuk satu sistem dinamik dan seimbang yang dipenuhi dengan pelbagai spesis flora dan fauna ciptaan tuhan. Justeru, manusia perlu berinteraksi dengan alam dan seluruh ekosistem yang ada semulajadi secara kudus dan tertib.<sup>8</sup>

Manakala *manfaat* bermaksud alam ciptaan Allah *Subhanahu Wa Ta’ala* adalah untuk kegunaan manusia juga boleh dikaitkan dengan kewujudan hidupan liar. Ungkapan Raghib Asfahani yang mengatakan bahawa salah satu matlamat kejadian manusia ialah *al imarah* dengan merealisasikan agenda pembangunan dan ketamadunan.<sup>9</sup> Pembangunan turut berlaku apabila hidupan liar dipulihara dan diurus dengan baik yang bukan sahaja bermatlamatkan *jamal*, *naseem* dan *tawazun*, bahkan juga berkaitrapat dengan manfaat kepada manusia sehingga mampu menjana

---

<sup>6</sup> Fadzli Adam. 2007. *Environmental Sustainability in Islam*. Dalam: Fokus Minda. Kuala Terengganu: Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia. hlm. 101.

<sup>7</sup> Zulkifly Muda. 2010. *Elemen-elemen Liabiliti dalam Pemuliharaan Alam Sekitar Menurut al Quran*. Dlm. Jurnal Darul Quran. Muharram 1432H/Disember 2010. Bil.14. Selangor: Darul Quran.

<sup>8</sup> Zaini Ujang Minda Lestari, Berita Harian, 28 Feb 2007.

<sup>9</sup> Raghib al Asfahani. 1980. *Kitab al Mufradat*. Beirut: Maktabah al Multaqa. hlm. 80.

ekonomi negara melalui pelbagai program seperti ekopelancongan, ekopendidikan dan sebagainya yang berkaitan dengan hidupan liar.<sup>10</sup>

Seorang muslim yang memiliki keimanan yang tinggi pastinya sentiasa berusaha memulihara alam termasuk hidupan liar adalah berasaskan sumber utama Maqasid Syariah iaitu Al-Qur'an dan Hadith Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*. Antara sandaran dalil yang mendukung pemuliharaan hidupan liar secara langsung dan tidak langsung adalah sebagaimana Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1:** Sandaran Dalil Al Qur'an terhadap Pemuliharaan Hidupan Liar

Dalil	Elemen	Huraian
Ali Imran: 191	<i>Jamal</i>	Mengajak manusia berfikir tentang ciptaan Allah <i>Subhanahu Wa Ta'ala</i> , apa yang ada di langit dan di bumi. Manusia pasti menemui kebesaran Allah <i>Subhanahu Wa Ta'ala</i> yang menjadikan setiap apa yang ada di alam tanpa sia-sia.
Fatir: 27	<i>Naseem</i>	Menggambarkan kesegaran alam semula jadi ciptaan Allah <i>Subhanahu Wa Ta'ala</i> yang penuh dengan keindahan dan nikmat ketenangan hidup.
Al-Hijr: 21	<i>Tawazun</i>	Menerangkan tentang kehebatan Allah <i>Subhanahu Wa Ta'ala</i> menjadikan sesuatu yang mengisi alam ini melainkan menurut kadar dan masa tertentu.
Al-Isra': 70	<i>Manfaat</i>	Menjelaskan tentang kemuliaan manusia dengan nikmat dan rezeki yang dianugerahkan kepada mereka termasuklah penciptaan makhluk yang lain untuk manfaat mereka.

<sup>10</sup> Lihat Sesawang: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN). <https://www.wildlife.gov.my/index.php/>.

## Hukum Berburu Hidupan Liar

Para ulama fiqh pada umumnya sepakat mengatakan bahawa hukum berburu haiwan itu adalah mubah atau harus sekiranya tempat berburu bukannya tanah haram Mekah dan Madinah. Bahkan berburu boleh dilakukan oleh semua orang yang ingin melakukannya.<sup>11</sup> Berburu binatang yang halal dimakan dibolehkan dan dihalalkan dalam syariat Islam apabila diniatkan untuk dimanfaatkan. Syeikh Muhammad Soleh al Munajjid menyatakan bahawa berburu bagi tujuan untuk memperoleh manfaat (dimakan, dijual, disedekahkan, dihadiahkan dan seumpamanya), sepakat ulama mengharuskannya.<sup>12</sup> Syeikh Ibn Uthaimin juga sependapat dalam perkara ini dengan menegaskan bahawa tidak ada sebarang syak terhadap keharusan berburu daripada apa yang dihalalkan oleh Allah *Subhanahu Wa Ta 'ala* dalam al-Qur'an dan sunnah Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* serta disepakati ulama.<sup>13</sup>

Berhubung hidupan liar yang haram dimakan dagingnya dengan tabiat semulajadinya merbahaya kepada manusia, maka terdapat dalam kalangan ulama' yang berpandangan harus dibunuh walaupun ketika dibunuh haiwan tersebut tidak mengganggu sesiapapun. Mereka berpandangan harus dibunuh setiap apa yang menyakitkan manusia sama ada pada diri atau harta benda seperti binatang buas yang haram dimakan dan juga burung-burung yang mencakar.<sup>14</sup> Namun terdapat juga pandangan

<sup>11</sup> Lihat keterangan Wahbah al-Zuhaili. 1997. *Al Fiqh al Islami Wa Adillatuhu*. Beirut: Dar al-Fikr Jil.4 hlm. 2803.

<sup>12</sup> Muhammad Soleh al-Munajjid. 2017. *Al Islam Su'alun Wa Jawabun*. <http://islamqa.info/ar/171618>.

<sup>13</sup> Muhammad bin Soleh Uthaimin. 1428H. *al-Syarh al-Mumti' 'Ala al-Mustaqqni'*. Riyadh: Dar Ibnu al-Jauzi.

<sup>14</sup> Ibnu Qudamah al-Maqdisi. t.th. *al-Syarh al-Kabir*. Beirut: Dar al Fikr. Jil.8. hlm. 306-307.

meletakkan hukum makruh ke atas perburuan sekiranya dilakukan tanpa mendatangkan manfaat seperti berburu singa dan membunuhnya sebagai hobi semata-mata, acara permainan dan sebagainya. Selain itu, terdapat golongan yang mengharamkan berburu hidupan liar sekiranya tiada sebarang manfaat dan hajat, kecuali dalam situasi terdesak seperti diserang sehingga membahayakan keselamatan diri dan bilangannya yang banyak sehingga mengancam kehidupan manusia. Dalam situasi darurat sebegini maka diharuskan untuk membunuh hidupan liar tersebut.<sup>15</sup>

Adapun dalam kes haiwan tidak bertuan yang berkeliaran sehingga mengganggu ketenteraman hidup manusia memusnahkan tanaman, merosakkan bangunan, mencemarkan kebersihan bahkan adakalanya mengundang bahaya nyawa, maka ulama' berpendapat hukumnya adalah wajib diburu. Hal ini tidak terbatas kepada binatang yang halal dimakan sahaja, malah turut melibatkan haiwan yang haram dimakan seperti anjing hutan dan gajah yang berkeliaran di tengah pemukiman penduduk. Berburu demi ketenteraman dan keselamatan orang ramai menjadi satu kewajipan berdasarkan kepada kaedah usul fiqah "kemudaratannya hendaklah dihindarkan".<sup>16</sup> Malah, berdasarkan kaedah fiqah "tindakan (perlaksanaan) pemerintah ke atas rakyat adalah mesti berkait (terikat) dengan maslahah", maka pihak berkuasa diberikan hak untuk menggubal undang-undang dan melaksanakan

---

<sup>15</sup> Muhammad al-Syabini al-Khatib. 1958. *Mughni al-Muhtaj*. Kaherah: Matba'ah al-Halabi. Jil.4 hlm.272.

<sup>16</sup> Zain al-Ábidin bin Ibrahim bin Nujaim. 1985. *Al Asybah wa al-Naza'ir 'ala Mazhab Abi Hanifah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. hlm.85.

penguatkuasaan demi menjaga kepentingan dan kesejahteraan rakyat.<sup>17</sup>

### **Sekatan Perburuan bagi Kelangsungan Hidupan Liar**

Pemuliharaan hidupan liar yang terdiri daripada flora dan fauna adalah amat penting bagi mengekalkan ekosistem. Di Malaysia contohnya, banyak spesis tidak ditemui di negara lain. Kepelbagaiannya biologi yang terdapat di negara ini adalah sebenarnya memberikan khidmat ekosistem seperti mengatur perjalanan cuaca dan iklim, kitaran hidrologi dan nutrien, membentuk tanah dan membersihkan udara dan air. Setiap spesis memainkan peranan masing-masing dalam memastikan ekosistem berada dalam keadaan stabil dan seimbang.<sup>18</sup> Hidupan liar juga amat penting kerana dapat memberikan sumber maklumat atau pendidikan kepada masyarakat terutama sekali kepada pelajar sekolah. Sebagai contoh, harimau dikategorikan kepada beberapa subspesis seperti Harimau Sumatera, Harimau Bengal, Harimau Indochina, Harimau Malaya dan Harimau China Selatan. Oleh itu, masyarakat akan berpeluang untuk mengenali kepelbagaiannya spesis yang terdapat di negara ini dengan lebih dekat sekiranya hidupan liar ini dilindungi daripada pupus. Hidupan liar juga merupakan sumber tarikan pelancong asing ke negara ini kerana kebanyakannya spesis haiwan dan tumbuhan yang terdapat di negara ini tidak dapat ditemui di negara lain. Hal ini bukan sahaja berupaya menjana kewangan, sekali gus dapat menjana daya ilmuan dan intelek selari dengan konsep *iqra'* yang ditekankan dalam Islam.<sup>19</sup>

---

<sup>17</sup> Ibid.

<sup>18</sup> Zaini Ujang Minda Lestari, Berita Harian, 28 Feb 2007.

<sup>19</sup> Mona Shazreen binti Mohd Zaini (16 October 2014), *Pemuliharaan Hidupan Liar, Selamatkan Hidupan Liar Kita*, <http://masyarakatatsains.blogspot.com>.

Kebenaran melarang aktiviti perburuan dijalankan bagi menyekat kepupusan spesis hidupan liar adalah berasaskan Maqasid Syariah demi kepentingan manusia dalam konteks *jalbu masalih* (membawa kemaslahatan) dan *dar'u mafasid* (menyekat keburukan). Berikut antara fatwa dan hujah para ulama yang membenarkan larangan perburuan hidupan liar dikuatkuasakan:

### ***Pandangan Syeikh Yusuf al-Qaradawi***

Syeikh Yusuf al-Qaradawi menyentuh larangan membunuh binatang untuk menjaga kelangsungan spesisnya dalam kitabnya *al-Sunnah Masdaran Li al-Ma'rifah Wa al-Hadarah*. Beliau menjelaskan bahawa harus mewujudkan larangan membunuh haiwan tertentu sekiranya membawa kepada kepupusan spesis haiwan tersebut. Kenyataan ini adalah merangkumi aktiviti perburuan hidupan liar.<sup>20</sup> Dalam hal ini, Syeikh al-Qaradawi telah meletakkan satu kenyataan khusus tentang penjagaan spesis binatang iaitu:

الاسلام يحافظ على الاجناس الحية من الانقراض

Maksudnya:

Islam amat menjaga jenis-jenis makhluk hidup (binatang, burung dan lain-lain) daripada kepupusan.

Syeikh al-Qaradawi melanjutkan perbincangan tentang hal keperluan menjaga binatang dan seumpamanya dari kepupusan dengan katanya:

---

<sup>20</sup> Yusuf al-Qaradawi. 2002. *Al Sunnah Masdaran li al Ma'rifah wa al Hadarah*. Kaherah: Dar al-Syuruq. Hlm. 145-146.

Para pakar alam sekitar melihat dua hadith (yang disebutkan sebelum itu) perlunya menjaga pembentuk-pembentuk alam sekitar (antaranya binatang) dan perlunya larangan mensia-siakannya dan mendedahkannya kepada kemusnahan dan kepupusan tanpa ada keperluan dan hajat berbuat begitu..... Saya telah bercakap dengan seorang pakar alam sekitar dan saya sebutkan kepadanya betapa Islam sangat menjaga alam sekitar dan memperelokkannya serta menjaganya. Saya telah membawa beberapa fenomena dan dalil-dalilnya (dalam al-Qur'an dan al-Sunnah). Lalu beliau sangat mengambil berat tentangnya dan kagum. Beliau bertanya "Bolehkah kita dapati dalam nas-nas yang menyokong pandangan yang menyuruh penjagaan terhadap sesetengah binatang, burung dan sebagainya yang sedang dalam kepupusan?" Saya menjawab "Ya, ada secara terang dalam hadith Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam.*"<sup>21</sup>

Hadith yang dimaksudkan oleh al-Qaradawi dalam ungkapan di atas ialah:

لولا أن الكلاب أمة من الأمم لأمرت بقتلها، فاقتلوها منها  
الأسود البييم

Maksudnya:

"Kalau tidak bukan kerana anjing itu satu umat daripada umat makhluk nescaya aku akan memerintahkan ianya dibunuh, namun (yang

<sup>21</sup> Ibid.

boleh dibunuh) daripadanya ialah yang berwarna hitam sahaja.”

Difahami dari ungkapan hadith ini bahawa Nabi *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* tidak membenarkan pembunuhan anjing keseluruhannya, namun yang hanya dibenarkan dibunuh ialah yang berwarna hitam sahaja.<sup>22</sup> Ini menunjukkan bahawa membunuh sesuatu binatang sehingga ke peringkat kepupusan adalah dilarang.

### ***Pandangan Dr. Ahmad Yasin al-Qaralah***

Seorangan ilmuwan Islam, Dr. Ahmad Yasin al-Qaralah juga menyentuh tentang larangan membunuh binatang untuk menjaga kelangsungan spesisnya. Beliau melarang sama sekali dilakukan pembunuhan haiwan tertentu yang boleh membawa kepupusan. Dalam tulisannya yang berjudul *Huquq al-Hayawan Wa Dhamanatuha Fi al-Fiqh al-Islami*, beliau berkata:

أثبت الفقه الإسلامي للحيوان الحق فيبقاء نوعه لذلك لا  
يجوز قتله وذبحه إذا كان ذلك يؤدي إلى انقراضه وفناءه

Maksudnya:

Fiqh Islam telah menetapkan bahawa bagi haiwan ada haknya untuk kekal spesisnya, maka sebab itu tidak harus membunuhnya atau menyembelihnya sekiranya perbuatan itu membawa kepada kepupusan spesisnya.<sup>23</sup>

<sup>22</sup> Ungkapan anjing hitam adalah bermaksud anjing yang suka menggigit.

<sup>23</sup> Ahmad Yasin al-Qaralah. 2009. *Huquq al Hayawan Wa Dhamanatuha fi al Fiqh al Islami*, Majalah al-Urduniyyah Fi al-Dirasat al-Islamiyyah, jilid 5, Bil. 1.

### **Pandangan Dr. Soleh Salim al-Nahham**

Dr. Soleh Salim al-Nahham, seorang sarjana Islam menukilkan dalam tulisannya yang berjudul *Hathth al-Islam ‘Ala Himayat Irsa’ al-Tawazun al-Bi’ie* juga berhubung larangan ini. Beliau berkata:

فقد يؤدي سوء التعامل مع بعض الحيوانات إلى الإخلال  
بالتوازن البيئي، والأمثلة على ذلك كثيرة عرفتها البشرية عبر  
العصور إلى درجة انقراض بعض الأصناف من الحيوانات  
وأخرى في طريقها إلى الزوال

Maksudnya:

Maka ada kalanya buruknya layanan (seperti membunuhnya) terhadap sesetengah binatang membawa kepada kecacatan terhadap keseimbangan alam sekitar. Telah banyak contoh yang berlaku yang diketahui oleh orang ramai di sepanjang masa bahawa sehingga perkara itu (buruknya layanan kepada binatang) membawa kepada kepupusan sesetengah spesis binatang.<sup>24</sup>

### **Pandangan Imam al-Khitabi**

Pandangan ini menzahirkan bahawa kandungan dalam kitab *Ma’alim al-Sunan* karangan al-Khitabi seperti yang dinukilkan dalam fatwa Majelis Ulama Indonesia. Berikut ini nasnya:

---

<sup>24</sup> Pandangan ini dinukilkan dari fatwa Majelis Ulama Indonesia yang membincangkan persoalan ini dalam fatwanya No. 4 Tahun 2014 Tentang “Pelestarian Satwa Langka untuk Keseimbangan Ekosistem” pada 22 Januari 2014.

مَعْنَاهُ أَنَّهُ كُرِهَ إِفْتَاءُ أُمَّةٍ مِنَ الْأُمَّمِ وَإِعْدَامُ جَبَلٍ مِنَ الْحَلْقِ  
حَتَّى يَأْتِيَ عَلَيْهِ كُلُّهُ، فَلَا يَبْغُي مِنْهُ بَاقِيَةٌ لَأَنَّهُ مَا مِنْ حَلْقٍ لِلَّهِ  
تَعَالَى إِلَّا وَفِيهِ نَوْعٌ مِنَ الْحِكْمَةِ وَضَرْبٌ مِنَ الْمُصَلَّحةِ.

Maksudnya:

Maknanya sesungguhnya dibenci dilakukan pemusnahan spesis (binatang) dan menghapuskannya sehingga tidak tersisa sedikitpun. Tidak ada satupun dari ciptaan Allah *Subhanahu Wa Ta’ala* kecuali mesti terdapat hikmah dan maslahahnya.<sup>25</sup>

### **Pandangan Jabatan Mufti Negeri Perak**

Jabatan Mufti Negeri Perak berpandangan yang sama iaitu perlunya ada pemuliharaan binatang bagi mengelakkan kepupusan.<sup>26</sup> Hujah yang diguna adalah hadith Nabi *Sallallahu ‘Alaihi Wasallam*:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ  
(ص) يَقُولُ قَرَصَتْ نَمَلَةٌ نَبِيًّا مِنَ الْأَنْبِيَاءِ فَأَمَرَ بِقَرْبَةِ النَّمَلِ  
فَأَحْرَقَتْ فَأَوْحَى اللَّهُ إِلَيْهِ إِنْ قَرَصَتْ نَمَلَةٌ أَحْرَقَتْ أُمَّةً مِنَ  
الْأُمُّ تَسْبِحُ

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah *Radhiyallahu ‘anhu*, katanya “Aku mendengar Rasulullah *Sallallahu ‘Alaihi Wasallam* bersabda, “Ada seorang Nabi dari Nabi-Nabi Allah (pada zaman silam) digigit seekor semut, lalu

<sup>25</sup> Ibid.

<sup>26</sup> Zulkifly Muda. 2018. Hukum Memburu Binatang dalam Islam. Kuala Terengganu: Ahnaf Publication Enterprise.

baginda telah memerintahkan supaya dibakar perkampungan semut, lalu Allah menurunkan wahyuNya kepada Nabi tersebut, “Hanyalah kerana seekor semut menggigitmu, kamu telah membakar satu umat yang bertasbih kepada Allah.”

(Riwayat Bukhari)

Dalam hadith ini jelas menunjukkan larangan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dari membunuh keseluruhan semut. Sekali gus membuktikan bahawa Islam sangat menekankan penjagaan binatang daripada pupus.

### ***Fatwa Majelis Ulama Indonesia***

Majelis Ulama Indonesia (MUI) mengeluarkan fatwa tentang “*Pelestarian Satwa Langka untuk Keseimbangan Ekosistem*” sebagai mengambil langkah aktif melindungi spesis binatang yang terancam pupus seperti harimau, badak, gajah dan orang utan.<sup>27</sup> Meskipun fatwa ini tidak bersifat mengikat secara perundangan di Indonesia, namun ia merupakan fatwa yang berlandaskan hukum Islam dari segi konteksnya serta memberi pedoman kuat bagi umat Islam tentang perlindungan binatang yang hampir terpupus.

### **Dalil Syarak yang Mendukung Larangan Perburuan**

Beberapa fatwa yang dinyatakan di atas menjurus kepada kepentingan menjaga haiwan termasuk hidupan liar daripada kepupusan. Maka dengan itu, segala bentuk perburuan adalah dilarang atau dihadkan mengelakkan kepupusan hidupan liar. Bagi menguatkan fatwa di atas,

---

<sup>27</sup> Fatwa No. 4 Tahun 2014 Tentang “*Pelestarian Satwa Langka untuk Keseimbangan Ekosistem*” pada 22 Januari 2014.

dikemukakan beberapa hujah tambahan yang mengharuskan larangan terhadap perburuan hidupan liar.

### Ayat 40 Surah Hud:

حَتَّىٰ إِذَا جَاءَ أَمْرُنَا وَفَارَ الْتَّقُوُرُ فُلِّنَا أَحْمَلٌ فِيهَا مِن كُلِّ  
رَوْجَيْنِ اثْنَيْنِ وَأَهْلَكَ إِلَّا مَن سَبَقَ عَلَيْهِ الْقَوْلُ وَمَنْ ءَامَنَ  
وَمَآ ءَامَنَ مَعْهُ إِلَّا قَلِيلٌ

Maksudnya:

(Nabi Nuh ‘Alaihissalam terus menjalankan tugasnya) sehingga apabila datang keputusan Kami untuk membinasakan mereka (kaumnya yang kafir) dan air memancut-mancut dari muka bumi (yang menandakan kedatangan taufan), lalu Kami berfirman kepada Nabi Nuh: "Bawalah ke dalam bahtera itu dua dari tiap-tiap sejenis haiwan (jantan dan betina), dan bawalah ahli keluargamu kecuali orang yang telah ditetapkan hukuman azab atasnya (disebabkan kekufurannya), juga bawalah orang-orang beriman". Dan tidak ada orang-orang yang beriman yang turut bersama-sama melainkan sedikit sahaja.

Ayat ini mengisahkan tentang Nabi Nuh ‘Alaihissalam dan mereka yang beriman diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wa Ta’ala supaya menaiki bahtera yang dibuat oleh Nabi Nuh ‘Alaihissalam. Turut dimuatkan ke dalam bahtera itu ialah semua jenis binatang dalam bentuk bersepasangan jantan dan betina. Tujuannya adalah untuk menjaga spesis binatang-binatang tersebut daripada

kepupusan. Ini ada disebutkan oleh Ustaz Ahmad Sonhadji Mohamad dalam buku tafsirnya ‘*Abr al-Athir*:

(Maksud ayat) bawalah ke atas kapal tiap-tiap haiwan sepasang-sepasang, tiap pasangan mengandungi dua jenis iaitu satu jantan dan satu betina supaya ada yang masih tinggal menurunkan keturunan nanti di muka bumi apabila segala sesuatu yang bernyawa dikaramkan dan mati tenggelam.<sup>28</sup>

Perkara yang sama juga disentuh oleh Syeikh Wahbah al-Zuhaili. Beliau berkata dalam kitabnya *al-Tafsir al-Munir Fi al-Aqidah Wa al-Syariah Wa al-Manhaj*:

وَقَلَّا لِنُوحٍ حِينَدٌ اَحْمَلَ فِي السُّفِينَةِ مِنْ كُلِّ نَوْعٍ مِنْ اَنْوَاعِ  
الْحَيَاةِ زَوْجِيْنِ اثْنَيْنِ ذَكْرٌ وَأَنْثَى لِلْحَفَاظِ عَلَى أَصْلِ النَّوْعِ  
الْحَيَوَانِيِّ

Maksudnya:

(Tafsiran ayat) dan Kami berfirman kepada Nuh ketika itu, “Bawalah ke dalam bahtera setiap jenis binatang sepasang-sepasang, jantan dan betina untuk menjaga (keturunan) binatang-binatang tersebut.”<sup>29</sup>

### ***Ayat 195 Surah Al-Baqarah***

وَلَا تُلْفُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى الْتَّهْلِكَةِ

<sup>28</sup> Ahmad Sonhadji Mohamad. 1989. *Tafsir al-Quran ‘Abr al-Athir*. Kuala Lumpur: Pustaka al-Mizan. Jil 12. hlm. 60-61).

<sup>29</sup> Wahbah al-Zuhaili. 1991. *al-Tafsir al-Munir Fi al-Aqidah Wa al-Syariah Wa al-Manhaj*. Damsyiq: Dar al Fikr al-Muasir. Jil. 12. hlm. 69.

Bermaksud:

Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan  
diri ke dalam bahaya kebinasaan.

Ayat ini jelas menegaskan tentang larangan terhadap apa jua aktiviti yang mengundang kepada kerosakan dan kemusnahan disebabkan tindakan manusia. Hari ini, fenomena kerosakan dan kemusnahan alam sekitar seperti pencemaran dalam pelbagai bentuk, perburuan haram dan pembalakan haram telah mengakibatkan hilangnya keseimbangan kepada alam (Sazelin t.th, 203). Kesannya, pelbagai tragedi dan isu alam sekitar melanda dunia banjir besar, tanah runtuh, cuaca panas melampau, kepupusan spesis haiwan dan sebagainya.<sup>30</sup> Justeru, larangan dan sekatan terhadapa aktiviti perburuan adalah suatu yang bertepatan dengan makna ayat di atas.

### **Ayat 1-4 Surah Al Takwir**

إِذَا الشَّمْسُ كُوَرَتْ وَإِذَا الْنُّجُومُ أَنْكَدَتْ وَإِذَا الْجِبَالُ  
سُيرَتْ وَإِذَا الْعِشَارُ عُطِلَتْ

Bermaksud:

Apabila matahari digulung dan apabila bintang-bintang berjatuhan dan apabila gunung dihancurkan dan apabila unta-unta bunting ditinggalkan.

Fenomena kemusnahan muka bumi (*al fasad*) adalah berkait rapat dengan kerosakan alam sekitar. Kiamat adalah impak terakhir daripada kerakusan manusia merosakkan

---

<sup>30</sup> Zulkifly Muda. 2010. *Elemen-elemen Liabiliti dalam Pemuliharaan Alam Sekitar Menurut al Quran*. Jurnal Darul Quran. Muhamarram 1432H/Disember 2010. Bil.14. Selangor: Darul Quran.

alam dengan mengikut tuntutan hawa nafsu dan berpaling daripada tuntutan agama. Akibat tidak mengendahkan suruhan agama dan melakukan apa yang menjadi tegahan agama secara sewenangnya maka kestabilan alam terjejas dan tergugat. Kesannya, tercetuslah suasana yang amat ngeri dan dahsyat yang membawa kepada kemusnahannya. Oleh kerana kemusnahannya tersebut bersifat global, maka ia dipanggil kiamat.<sup>31</sup>

### ***Hadith Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam:***

اَنْتُمُ الْعَانِيْنَ . قَالُوا: وَمَا الْعَانِيْنَ يَا رَسُولَ اللهِ؟ قَالَ : الَّذِي  
يَتَحَلَّ فِي طَرِيقِ النَّاسِ أَوْ فِي ظَلَمِهِمْ

Maksudnya:

Takutilah kamu pada dua orang yang kena lakanat. Sahabat bertanya: Siapakah orang yang kena lakanat itu, wahai Rasulullah? Jawab Nabi *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*: Orang yang buang air besar di (kawasan) laluan manusia atau tempat teduhan manusia.

(Riwayat Ibn Majah)

Dengan menggunakan salah satu kaedah terpenting usul fiqah iaitu *qiyyas*, perbuatan membuang air besar menghasilkan najis yang kotor dan najis tersebut adalah pencemar atau merosakkan bahkan memusnahkan alam. Apabila dibuang di merata-rata tempat, pastinya akan menimbulkan pencemaran yang akhirnya memberi kesan buruk kepada kesihatan manusia bahkan kesejahteraan persekitaran. Aktiviti dan kegiatan sebegini pasti mengundang kemarahan, celaan dan mengakibatkan pelakunya dilakanat. Perbuatan seumpama ini adalah

---

<sup>31</sup> Abu Bakar al Jazai'ri. t.th. *Aqidah al Iman*. Beirut: Dar al Fikr. hlm. 242.

dilarang di sisi agama.<sup>32</sup> Larangan ini juga boleh diqiyaskan dengan apa juu aktiviti atau kegiatan yang mengganggu keharmonian hidupan flora dan fauna termasuk perburuan haram. Perburuan secara haram ini akan mengheret kepada pupusnya spesis hidupan liar selain turut memusnahkan habitat semulajadi haiwan, mengganggu ekosistem sedia ada.

### *Hadith Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam:*

مَا مِنْ انسَانٍ يُقْتَلُ عُصْفُورًا فَمَا فَوْقَهَا بِغَيْرِ حَقِّهَا إِلَّا سَأَلَهُ اللَّهُ  
عَنْهُنَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya:

Tidaklah seseorang yang membunuh seekor burung atau yang lebih besar daripada itu dengan tanpa haknya, kecuali Allah akan meminta pertanggungjawabannya pada hari kiamat nanti.”

(Riwayat Al Hakim)

Larangan perburuan boleh ditentukan melalui kaedah *qiyyas* iaitu setiap yang memberi kemudarat pada manusia perlu dijauhi, bahkan ia sepatutnya dihalang melalui undang-undang dan penguatkuasaan. Prinsip ini ditunjukkan melalui sikap Nabi *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* yang prihatin terhadap pencemaran alam pada zaman Baginda.<sup>33</sup> Secara tidak langsung hadis di atas

<sup>32</sup> Muhammad Arsyad al-Banjari. 2008. *Sabil al Muhtadin*. Johor Bahru: Jahabersa. Jil 1. hlm. 48.

<sup>33</sup> Zulkifly Muda. 2010. *Elemen-elemen Liabiliti dalam Pemuliharaan Alam Sekitar Menurut al Quran*. Jurnal Darul Quran. Muhamarram 1432H/Disember 2010. Bil.14. Selangor: Darul Quran.

isyarat tegahan terhadap apa jua aktiviti yang membawa kepada kemasuhanan alam.

### **Pelaksanaan Kaedah *Taqyid al-Mubah* dalam Penguatkuasaan Larangan**

Asas larangan perburuan bagi menyekat kepupusan hidupan liar adalah melalui pelaksanaan kaedah *Taqyid al-Mubah*. *Taqyid al-Mubah* bererti mewajibkan ke atas individu dengan sesuatu perkara melalui proses penggubalan undang-undang yang sah oleh pihak pemerintah apabila dipastikan wujudnya keseimbangan hak antara kemaslahatan umum dengan kemaslahatan individu. Kesan pengamalan terhadap kaedah ini ialah pembatasan hak yang asalnya dimiliki oleh individu.<sup>34</sup> Para ulama sepakat mengharuskan hak *Taqyid al-Mubah* ini untuk diaplikasikan oleh pihak pemerintah.<sup>35</sup>

Syeikh Hisyam bin Abdul Malik bin Abdillah Al-Syeikh dalam tulisannya yang berjudul *Sultat Wali al-Amr Fi Taqyid al-Mubah* mengatakan:

فِتْنَىٰ كَانَتْ هُنَاكَ مَصْلَحَةٌ عَامَّةٌ جَامِعَةٌ لِشَرَائِطِهَا رَأْيُ الْإِمَامِ  
مِنْ خَلَالِهَا تَقْيِيدُ الْمَبَاحِ أَوِ الْإِلْزَامُ بِهِ؛ فَإِنْ تَصْرُفَ الْإِمَامُ  
بِنَاءً عَلَى ذَلِكَ تَصْرُفًا شَرِعيًا صَحِيحًا يُجَبِّ إِنْفَاذُهُ وَالْعَمَلُ  
بِهِ، وَلَا يَجُوزُ التَّحَايُلُ لِلتَّخَلُّصِ مِنْهُ وَبِنَاءً عَلَى ذَلِكَ فَإِنْ

<sup>34</sup> Al Alusi al Baghdadi Abu Fadhl Shihab al Din al Sayyid Mahmud. 2001. *Ruh al Maani fi Tafsir al Quran al Azim wa Al Sab'i al Mathani*. Beirut: Dar al Kutub al Ilmiyyah . Jil.3. hlm. 66; Abd Karim Zaidan. 1987. *Al Wajiz fi al Usul al Fiqh*. Beirut: Al Muassasah al Risalah. hlm. 5.

<sup>35</sup> Lihat keterangan lanjut oleh Fathi Al-Duraini. 1987. *Khasa'is al Tasyri' al Islami Fi al Siyasah wa al Hukm*. Beirut: Muassasah al Risalah.

ولي أمر المسلمين إذا رأى المصلحة في تقييد أو الإلزام  
بشيءٍ من المباحث فله ذلك؛ بعد التحقق من وجود  
المصلحة العامة، وانتفاء الضرر

Maksudnya:

Maka apabila ada di sana maslahah am yang merangkumi syarat-syaratnya, lalu pemerintah berpendapat untuk *Taqyid al-Mubah* atau mewajibkannya, maka pengurusan pemerintah yang terbina di atas maslahah itu adalah diterima oleh syarak yang wajib dipatuhi dan tidak harus ada helah untuk tidak melakukannya. Berdasarkan perkara itu, maka pemerintah ada hak untuk *Taqyid al-Mubah* apabila melihat kemaslahatannya atau mewajibkan sesuatu yang harus. Itu selepas wujud maslahah umum dan untuk hindarkan kemudaratan.<sup>36</sup>

Begitu juga dinyatakan dalam fatwa.islamweb.net, no fatwa 271141:

فقد نص العلماء على أن لولي الأمر تقييد المباحث إذا كان في ذلك مصلحة عامة، ولا يجوز مخالفته هذه الأنظمة ما دامت تصب في مجال المصلحة العامة، وجاء في تحفة المحتاج من كتب الشافعية ما يلي: الذي يظهر أن ما أمر به - أي الحاكم - مما ليس فيه مصلحة عامة لا يجب امتثاله إلا ظاهراً - يعني

---

<sup>36</sup> Hisyam bin Abdul Malik bin Abdillah, Al-Syeikh. 2017. dalam tulisan *Sultat Wali al-Amr fi Taqyid al-Mubah*. [www.alriyadh.com/997716](http://www.alriyadh.com/997716).

خشية الضرر أو الفتنة فقط بخلاف ما فيه ذلك يجب باطناً  
أيضاً.

Maksudnya:

Para ulama telah menyebutkan bahawa pihak berkuasa berhak mengadakan *Taqyid al-Mubah* sekiranya ada maslahah umum padanya. Tidak harus melanggar perundangan (yang berasaskan *Taqyid al-Mubah*) selagi mana limpahannya kepada maslahah umum. Telah tersebut dalam kitab *Tuhfat al-Muhtaj* yang merupakan kitab-kitab di dalam mazhab Syafi'i: "Yang jelas (ialah wajib patuh) terhadap apa yang diperintahkan oleh pihak berkuasa. Kalau tidak nampak kemaslahatan amnya, maka patuh pada zahir sahaja bimbang takut terkena mudarat. Ini berbeza kalau nampak kemaslahatannya, maka wajib patuh zahir dan batin."

*Taqyid al-Mubah* merupakan perkara yang bertentangan dengan kaedah asal fiqh kerana setiap manusia pada asalnya mendapat kebebasan penuh dalam menjalankan aktiviti mereka selagi mana ianya tidak bertentangan dengan hukum syarak. Islam hanya membenarkan *Taqyid al-Mubah* setelah segala syarat-syarat pengamalannya dipenuhi. Sudah tentu pengamalannya mesti diteliti dari segi kemaslahatannya serta dihalusi dan difikirkan tentang keberkesanannya. Menerusi kajian terhadap Sirah Nabawiyah, didapati pengamalan *Taqyid al-Mubah* pada peringkat awal Islam adalah menepati objektifnya. *Taqyid al-Mubah* yang berlaku pada ketika itu, ada kalanya demi kestabilan politik

dan ada kalanya berkait dengan perkembangan ekonomi, sosial, sistem pendidikan dan lainnya.<sup>37</sup>

Dalam konteks larangan perburuan, kaedah *Taqyid al-Mubah* dilaksanakan bagi mengekang pupusnya spesis hidupan liar adalah sah dari segi syarak. Dengan menggunakan kaedah ini, maka pihak pemerintah negeri boleh menggubal undang-undang dan melaksanakan penguatkuasaan larangan terhadap perburuan hidupan liar. Status taat dan patuh kepada arahan tersebut adalah wajib syarie kerana perintah tersebut jelas memberi kemaslahatan bukan hanya kepada hidupan liar, bahkan kepada manusia dalam pelbagai aspek. Kaedah fiqh menyatakan:

تصرف الإمام في الرعية منوط بالصلحة

Maksudnya:

*“Pengendalian pemerintah dalam urusan pemerintahan kepada rakyat adalah berteraskan kemaslahatan.”<sup>38</sup>*

---

<sup>37</sup> Contoh pengamalan *Taqyid al-Mubah* dalam politik adalah keputusan Khalifah Umar bin al Khattab *RadiAllahu anhu* menghalang para sahabat Nabi *Sallallahu Alaihi Wasallam* terutama dalam kalangan kenamaan meninggalkan kota Madinah kecuali dengan keizinannya. Keputusan ini dibuat bagi memudahkan perbincangan atau syura dijalankan berkait polisi kerajaan di samping mengawal pengaruh politik. Perkara ini pada zahirnya menurut Syeikh Zaidan dalam kitab *al-Quyud al-Waridah* bertentangan kaedah *hurriyah al tanaqul* atau kebebasan untuk bergerak yang diberikan oleh Islam. Keputusan yang diambil adalah berasaskan kemaslahatan umum. Abd. Karim Zaidan. 1982. *Al Quyud al Waridah ala al Milkiyyah al Fardiyah*. Amman: Jam'iyyat 'Um al Matabi al Ta'awuniyyah. hlm. 199.

<sup>38</sup> Jalal al-Din Abd al-Rahman al -Suuyuti. 1981. *Al-Asybah Wa al-Naza'ir Fi Qawa'id Wa Furu' Fiqh al-Syafiyyah* Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. hlm.121.

## Kesimpulan

Pemuliharaan hidupan liar melalui pelaksanaan larangan perburuan bagi mengelakkan kepupusan adalah bertepatan dengan kehendak syarak. Hujah yang dikemukakan oleh para ulama' dan fatwa yang dikemukakan oleh organisasi berautoriti adalah didukung oleh nas syarak sama ada bersumberkan Al-Qur'an mahupun hadith. Malah, penggubalan undang-undang, akta dan garis panduan oleh pihak pemerintah berkait larangan perburuan juga selari dengan kaedah fiqh atas nama *Taqyid al-Mubah*. Oleh kerana larangan ini merupakan perintah daripada pihak berkuasa dalam rangka untuk menjaga kelestarian alam dan keseimbangan ekosistem, maka setiap muslim berkewajipan untuk mematuhi dan perlanggaran terhadap perintah ini adalah haram dan berhak untuk dikenakan tindakan undang-undang.

## RUJUKAN ASASI

- Abd Karim Zaidan. 1982. *Al Quyud al Waridah ala al Milkiyyah al Fardiyyah*. Amman: Jam'iyyat 'Um al Matabi al Ta'awuniyyah.
- Abd Karim Zaidan. 1987. *Al Wajiz fi al Usul al Fiqh*. Beirut: Al Muassasah al Risalah.
- Abu Bakar al Jazai'ri. t.th. *Aqidah al Iman*. Beirut: Dar al Fikr.
- Ahmad Sonhadji Mohamad. 1989. *Tafsir al-Quran 'Abr al-Athir*. Kuala Lumpur: Pustaka al-Mizan.

Ahmad Yasin al-Qaralah. 2009. *Huquq al Hayawan Wa Dhamanatuha fi al Fiqh al Islami*, Dlm. Majalah al-Urduniyyah Fi al-Dirasat al-Islamiyyah, jilid 5, Bil. 1.

Al-Alusi al Baghdadi Abu Fadhl Shihab al Din al Sayyid Mahmud. 2001. *Ruh al Maani fi Tafsir al Quran al Azim wa Al Sab'i al Mathani*. Beirut: Dar al Kutub al Ilmiyyah.

Fadzli Adam. 2007. *Environmental Sustainability in Islam*. Dalam: Fokus Minda. Kuala Terengganu: Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia. hlm. 101.

Fathi Al-Duraini. 1987. *Khasa'is al Tasyri' al Islami Fi al Siyasah wa al Hukm*. Beirut: Muassasah al Risalah.

Hisyam bin Abdul Malik bin Abdillah. 2017. dalam tulisan *Sultat Wali al-Amr fi Taqyid al-Mubah*. [www.alriyadh.com/997716](http://www.alriyadh.com/997716).

Ibnu Qudamah al-Maqdisi. t.th. *al-Syarh al-Kabir*. Beirut: Dar al Fikr. Jil.8. hlm. 306-307.

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).  
<https://www.wildlife.gov.my/index.php/>.

Jalal al-Din Abd al-Rahman al -Suuyuti, *Al-Asybah Wa al-Naza'ir Fi Qawa'id Wa Furu' Fiqh al-Syafiyyah* (1983), Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Majelis Ulama Indonesia. *Pelestarian Satwa Langka untuk Keseimbangan Ekosistem*. Dalam fatwa No. 4 Tahun 2014 Tentang pada 22 Januari 2014.

Mona Shazreen binti Mohd Zaini (16 October 2014), *Pemuliharaan Hidupan Liar, Selamatkan Hidupan Liar Kita*, [hppt://masyarakatatsains.blogspot.com](http://masyarakatatsains.blogspot.com).

Muhammad al-Syarbini al-Khatib. 1958. *Mughni al-Muhtaj*. Kaherah: Matba'ah al-Halabi. Jil.4 hlm.272.

Muhammad Arsyad al-Banjari. 2008. *Sabil al Muhtadin*. Johor Bahru: Jahabersa. Jil 1. hlm. 48.

Muhammad bin Soleh Uthaimin. 1428H. *al-Syarh al-Mumti' 'Ala al-Mustaqqni*'. Riyadh: Dar Ibnu al-Jauzi.

Muhammad Soleh al-Munajjid. 2017. *Al Islam Su'alun Wa Jawabun*. <http://islamqa.info/ar/171618>.

*Pemeliharaan dan Penjagaan Haiwan Mengikut Perspektif Islam* dalam: <https://mufti.perak.gov.my/>.

Raghib al Asfahani. 1980. *Kitab al Mufradat*. Beirut: Maktabah al Multaqah.

Usher, M. B. (1986). *Wildlife Conservation Evaluation: Attributes, Criteria and Values*. New York: Chapman & Hall.

Wahbah al-Zuhaili. 1991. *al-Tafsir al-Munir Fi al-Aqidah Wa al-Syariah Wa al-Manhaj*. Damsyiq: Dar al Fikr al-Muasir. Jil. 12.

Wahbah al-Zuhaili. 1997. *Al Fiqh al Islami Wa Adillatuhu*. Beirut: Dar al-Fikr.

Yusuf al-Qaradawi. 2002. *Al Sunnah Masdar an li al Ma'rifah wa al Hadarah*. Kaherah: Dar al-Syuruq.

Zain al-Ábidin bin Ibrahim bin Nujaim. 1985. *Al Asybah wa al Naza'ir 'ala Mazhab Abi Hanifah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Zaini Ujang Minda Lestari, Berita Harian, 28 Feb 2007.

Zulkifly Muda. 2010. *Elemen-elemen Liabiliti dalam Pemuliharaan Alam Sekitar Menurut al Quran*. Dlm. Jurnal Darul Quran. Muharram 1432H/Disember 2010. Bil.14. Selangor: Darul Quran.